# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
## (MALAYSIAN PALM OIL BOARD)

## NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi perkara berikut :-

| NO. & TAJUK SEBUT HARGA | TARIKH, MASA & TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN | SYARAT PENDAFTARAN |
|---|---|---|
| **(01/2024)D/S/S(789/02)**<br><br>**CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG "OVEN MEMMERT" DI STESEN PENYELIDIKAN MPOB SESSANG, SARAWAK.** | **Tarikh Pengambilan Dokumen Sebut Harga:**<br>3 September 2024 (Selasa)<br>hingga<br>10 September 2024 (Selasa)<br><br>**Masa:** 9.00 pagi<br><br>**Tempat Pengambilan Dokumen:**<br>Stesen Penyelidikan MPOB Sessang,<br>Aras 2, Kompleks MPOB,<br>Jalan Saratok/Roban Lama,<br>95400 Saratok, Sarawak<br><br>atau<br><br>Bahagian Pusat Kemajuan Bioteknologi & Biakbaka,<br>Ibu Pejabat MPOB,<br>No. 6, Persiaran Institusi,<br>Bandar Baru Bangi,<br>43000 Kajang, Selangor. | **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang:**<br><br>**060501 (Peralatan Makmal Serta Aksesori);**<br><br>**dan**<br><br>Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*)<br><br>**dan**<br><br>Sijil Pendaftaran Bumiputera **(jika ada)** |

1. **Dokumen sebut harga** diberi secara **percuma kepada syarikat-syarikat yang berminat menyertai dan berkelayakan** mulai **3 September 2024 (Selasa) sehingga 10 September 2024 (Selasa)** pada hari bekerja dan waktu pejabat dari jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari atau dari 2.00 petang hingga 4.00 petang di alamat seperti jadual di atas.

2. **Hanya pemilik syarikat (Penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM) sahaja yang boleh menandatangani dokumen sebut harga,** manakala untuk mengambil dokumen sebut harga, wakil sah syarikat dengan **Surat Perwakilan Kuasa** adalah dibenarkan. Sesalinan sijil pendaftaran di atas hendaklah dikemukakan kepada MPOB (tidak dikembalikan) sebagai bukti kelayakan. **Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.**

3. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga di alamat: **Stesen Penyelidikan MPOB Sessang, Aras 2, Kompleks MPOB, Jalan Saratok/Roban Lama, 95400 Saratok, Sarawak.**

4. Tarikh dan masa tutup sebut harga adalah pada **17 September 2024 (Selasa), pukul 12.00 tengah hari.** Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**(Keutamaan dan kelebihan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan)**